

RM900j hasil jimat minyak

BH : Selara 26/6/2007

Projek infrastruktur diteruskan walaupun sasaran RM4.4b tak capai



Laporan Abdul Razak Raaff dan Norliza Wasilan

KUALA LUMPUR: Kerajaan hanya meraih penjimatan subsidi RM900 juta selepas menaikkan harga minyak tahun lalu berbanding jangkaan penjimatan RM4.4 bilion, kata Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Datuk Seri Hilmi Yahaya.

Beliau berkata, kerajaan pada 2005 menanggung subsidi petroleum berjumlah RM8.1 bilion dan jumlahnya hanya mengurang kepada RM7.281 bilion pada 2006.

"Oleh itu, kerajaan hanya dapat berjimat RM900 juta," katanya ketika menjawab soalan tambahan Fong Kui Lun (DAP-Bukit Bintang) yang ingin tahu kedudukan wang subsidi petr-

oleum yang berjaya dikumpulkan kerajaan selepas kenaikan harga petrol dan diesel tahun lalu.

Fong berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ada menyatakan bahawa RM4.4 bilion yang dijamin menerusi kenaikan harga minyak akan digunakan untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam.

Hilmi berkata, kerajaan akan meneruskan semua projek infrastruktur walaupun penjimatan subsidi yang dijangkakan tidak dapat dicapai.

Pada satu lagi soalan tambahan Datuk Lim Bee Kau (BN-Padang Serai), beliau berkata, kerajaan tidak bercadang mengurangkan lagi subsidi minyak pada masa kini.

"Kalau nak kurangkan subsidi lagi, kerajaan akan menanggung lagi subsidi yang begitu tinggi," katanya.

Hilmy berkata, walaupun harga minyak sudah menunjukkan penurunan, ia hanya bagi tiga bulan terakhir tahun lalu dan dua bulan per-

tama tahun ini.

Katanya, secara purata, harga minyak mentah dunia pada 2006 adalah tinggi iaitu AS\$66.05 (RM228) setong, manakala pada Mei 2007, harganya AS\$63.40 (RM219).

"Pada bulan ini, harga petroleum meningkat dengan purata harga minyak mentah dunia berada pada sekitar AS\$65.68 (RM227) dan ia di-

jangka terus meningkat pada masa depan.

"Oleh itu, kerajaan masih lagi menanggung beban subsidi besar bagi mengekalkan harga petroleum pada paras sedia ada. Harga produk berkenaan adalah lebih rendah berbanding harga pasaran sebenar," katanya menjawab soalan Datuk Lim Bee Kau (BN-Padang Serai).

Sementara itu, Hilmi berkata, Kementerian masih memberi keutamaan kepada kontraktor tempatan yang layak dalam pemberian kontrak seperti dinyatakan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan.

"Dasar dan prosedur perolehan sememangnya memberi keutamaan kepada kontraktor tempatan kerana mereka lebih mengenali keadaan dan masyarakat setempat.

"Selain itu, mereka mempunyai rangkaian pembekal di kawasan berkenaan yang dapat menyumbang kepada kelicinan pelaksanaan sesuatu projek," katanya menjawab soalan Mohd Daud Tarihep (BN-Kuala Selangor)

FAKTA NOMBOR

Subsidi petroleum

RM8.1b

Kerajaan tanggung pada 2005

RM7.281b

Kerajaan tanggung pada 2006